

**MEDIA MASSA: EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, RABU 1
FEBRUARI 2023**



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.jwp.gov.my

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

**164 PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN
PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2023**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada **164** penerima sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023 dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2023 yang telah diadakan pada 1 Februari 2023.

MEDIA MASSA: EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, RABU 1 FEBRUARI 2023

Pada istiadat pengurniaan kali ini, **tujuh (7)** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Kedua iaitu Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) yang membawa gelaran **Datuk Seri**. **15** individu pula dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga iaitu **Panglima Mahkota Wilayah** (P.M.W.) yang membawa gelaran **Datuk**. **16** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keempat iaitu **Johan Mahkota Wilayah** (J.M.W.), **19** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Kelima iaitu **Kesatria Mahkota Wilayah** (K.M.W.), **15** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keenam iaitu **Ahli Mahkota Wilayah** (A.M.W.) dan **92** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu **Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah** (P.P.W.).

Mendahului senarai penerima bagi tahun 2023 dengan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah yang membawa gelaran Datuk Seri, ialah YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Turut dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah ialah YBhg. Datuk SSollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan

MEDIA MASSA: EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, RABU 1 FEBRUARI 2023

Perdana Menteri, YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YBhg. Datuk Seri Ahmad Fadil bin Shamsuddin, Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu, YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Seri Muhamad Norazlan bin Aris, Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg. Datuk Seri Dr. Eng Wei Chun, Pengarah Urusan Orando Holdings Sdn. Bhd. dan YBhg. Datuk Seri Lawrence Yeo Chua Poh, Pengarah Eksekutif Amechanus Holdings Sdn. Bhd.

Bagi Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah, penerima-penerima termasuklah YBhg. Datuk Toisin Gantor, Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Komisioner Polis Datuk Azmi bin Abu Kassim, Ketua Polis Kuala Lumpur dan YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

MEDIA MASSA: EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, RABU 1 FEBRUARI 2023

Turut menerima darjah kebesaran ini antara lainnya adalah YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Zulkifli, Ketua Pegawai Eksekutif *InvestKL*, YBhg. Datuk Md.Shah bin Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KLCC (Holdings) Sdn. Bhd. dan YBhg. Datuk Ravindran a/l Kurusamy, Presiden UMW Toyota Motor.

Penerima-penerima Johan Mahkota Wilayah daripada kalangan pegawai awam dan badan berkanun pula antaranya terdiri daripada YBrs. Encik Chua Choon Hwa dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Mejar Jeneral Masro bin Kaliwon dari Angkatan Tentera Malaysia, YBrs. DCP Azari bin Abd Rahman dari Polis Diraja Malaysia, YBrs. Tuan Haji Nasri bin Ahmad dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan YBrs. Dr. Zalini binti Yunus dari Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan.

Darjah-Darjah Kebesaran juga telah dikurniakan bagi mengiktiraf sumbangan ahli-ahli sukan serta persatuan sukan negara. YBhg. Datuk Lim Teong Kim, bekas pemain bola sepak kebangsaan, YBhg. Datuk Shalin binti Zulkifli, atlet tenpin boling negara,

**MEDIA MASSA: EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, RABU 1
FEBRUARI 2023**

YBhg. Datuk Mohd Syarul Azman Mahen bin Abdullah, atlet bina badan negara dan YBhg. Datuk Arivalagan a/l Ponniah dari Persekutuan Karate Malaysia menerima Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah. Manakala Puan Afrita Ariany binti Nasril dari Persekutuan Gimnastik Malaysia dikurniakan Johan Mahkota Wilayah.

Jabatan Wilayah Persekutuan mengucapkan tahniah dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala jasa dan bakti yang disumbangkan oleh semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2023.

**Jabatan Wilayah Persekutuan
1 Februari 2023**